

PENGURUSAN PAS PELAJAR



JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

DISEDIAKAN OLEH : UNIT PAS PELAJAR, BAHAGIAN VISA, PAS DAN PERMIT
IBU PEJABAT JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA, PUTRAJAYA



JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

PENGURUSAN PAS PELAJAR

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) merupakan salah satu agensi yang turut membantu merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan tinggi bertaraf antarabangsa.

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) ialah jabatan dibawah pentadbiran Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan berfungsi menjalankan tanggungjawab menurut peruntukan Akta Imigresen 1959/ 63 (Akta 55), Akta Pasport 1966/ (Akta 150) dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Kerjasama strategik JIM, EMGS dan JPT dalam pengurusan pelajar antarabangsa mampu menjamin matlamat menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan antarabangsa tercapai.

SYARAT ASAS IPTA

Institusi Pendidikan Tinggi Awam atau juga disebut sebagai Universiti Awam yang ditubuhkan dibawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30)

International Islamic University of Malaysia (IIUM) yang ditubuhkan dibawah Akta Syarikat 1956 (Akta 125) dan

Universiti Teknologi (UiTM) yang ditubuhkan dibawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173)

PROSES PERMOHONAN KELULUSAN PENGAJIAN BAGI PELAJAR ANTARABANGSA

Pelajar atau IPTA hendaklah mengemukakan permohonan Pas Pelajar melalui Pusat Sehenti EMGS (secara atas talian – sistem Stars).

Permohonan yang lengkap dan teratur serta melepasi tapisan akademik akan dimajukan oleh EMGS ke Unit Pas Pelajar, Bahagian Visa, Pas dan Permit, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia untuk pertimbangan

PROSES PERMOHONAN KELULUSAN PENGAJIAN BAGI PELAJAR ANTARABANGSA

Permohonan hendaklah menggunakan **Pasport Antarabangsa / Travel Dokumen (bagi warganegara Palestine dan Brunei) yang sah**. Tempoh sah laku paspot pemohon hendaklah sekurang-kurangnya 18 bulan semasa permohonan di buat;

Pemohon hendaklah berada di luar Malaysia semasa permohonan Pas Pelajar dikemukakan. Surat kelulusan Pas Pelajar bagi tempoh sah laku 6 bulan akan dikeluarkan kepada pihak IPT dan Institusi bagi membolehkan pemohon membuat permohonan Visa Dengan Rujukan (VDR) di Pejabat Perwakilan Malaysia (Malawakil);



PROSES PERMOHONAN KELULUSAN PENGAJIAN BAGI PELAJAR ANTARABANGSA

Semua permohonan baru Pas Pelajar akan dibuat tapisan keselamatan (BRI) Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan sekiranya ada bantahan, kelulusan ataupun pas pelajar yang dikeluarkan akan dibatalkan (**TANPA RAYUAN**).

Bagi Sabah dan Sarawak, semua permohonan pas pelajar boleh dikemukakan di Pejabat Imigresen Negeri dan kelulusan adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Negeri.

PROSES PERMOHONAN KELULUSAN PENGAJIAN BAGI PELAJAR ANTARABANGSA

Pasangan dan anak-anak kepada pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan pemegang Pas Penggajian (Kategori 3) tidak dibenarkan memohon Pas Pelajar.

Semua pemegang Pas Jangka Panjang kecuali Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang ingin belajar di negara ini dibenarkan memohon Pas Pelajar tanpa meninggalkan negara. Tempoh pas terdahulu perlu dipendekkan setelah permohonan Pas Pelajar diluluskan.

Insurans

Perlindungan insurans hendaklah diambil melalui syarikat atau ejen insurans yang berdaftar dibawah Kementerian Kewangan Malaysia sahaja.

Pelajar antarabangsa hendaklah mempunyai perlindungan insurans kesihatan sepanjang tempoh pengajian dan diperbaharui dari semasa ke semasa;



PEMERIKSAAN KESIHATAN

Pemeriksaan kesihatan diwajibkan kepada semua pelajar antarabangsa yang akan belajar dan tinggal di Malaysia melebihi tempoh 6 bulan;

Bagi pelajar antarabangsa yang mendapat kelulusan belajar di IPT Sarawak hendaklah menjalani ujian / pemeriksaan kesihatan pasca ketibaan;

Pelajar yang gagal pemeriksaan kesihatan boleh mengemukakan rayuan dalam tempoh sah laku Pas Pintu masuk.

Pengeluaran Pas Khas selanjutnya (maksimum 30 hari) boleh dipertimbangkan berdasarkan prosedur semasa sekiranya pelajar ingin membuat pemeriksaan semula.

Sekiranya rayuan tersebut gagal, kelulusan akan dibatalkan dan pelajar diarah pulang dan dikeluarkan Pas Khas (7 hari) sebagai persiapan untuk meninggalkan negara;



SECURITY BOND / PERSONAL BOND

Selaras peraturan 18, Peraturan- Peraturan Imigresen 1963 wang cagaran berbentuk *security bond/ personal bond* akan dikenakan kepada pelajar antarabangsa untuk memastikan pelajar dan institusi lebih bertanggungjawab dan tidak menyalahgunakan pas pelajar untuk tujuan lain. Syarat ini diwajibkan sebagai dokumen tambahan bagi pengeluaran pelekats pas pelajar.

PERMOHONAN LANJUTAN PAS PELAJAR

Permohonan lanjutan Pas Pelajar hendaklah mengemukakan Surat Sokongan EMGS (eSupporting) yang masih sah dan telah diperakukan kelayakan akademik pelajar untuk meneruskan pengajian mengikut surat tawaran

Permohonan perlu dibuat 3 bulan sebelum pas pelajar tamat. Wakil IPT boleh mengemukakan permohonan terus ke Pejabat Imigresen berkenaan atau menghantar permohonan melalui Pusat Sehenti EMGS.

Pelajar juga perlu memperolehi CGPA 2.0 dan ke atas atau LULUS atau *IN PROGRESS* (*Master* dan *PhD*) dan Kehadiran adalah 80% dan ke atas atau *NOT APPLICABLE* (*Master* dan *PhD*) berdasarkan tahap kursus pengajian dengannya untuk semester yang terkini.

Pelajar yang tinggal lebih masa bawah 60 hari dipertimbangkan lanjutan pas pelajar manakala bagi yang melebihi 60 hari lanjutan pas pelajar tidak akan dipertimbangkan.

Pas pelajar yang tamat tempoh melebihi 30 hari akan dirujuk ke Bahagian Penguatkuasa untuk tindakan penguatkuasaan.

KEMUDAHAN PAS PELAJAR *ONE OFF* MENGIKUT TEMPOH PENGAJIAN MINIMUM

Kemudahan permohonan Pas Pelajar *One Off* hanya diberikan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di Universiti Awam yang berkelayakan bagi peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah.

Permohonan hendaklah dikemukakan melalui EMGS dan perlu mendapat surat pengesahan permohonan *One Off* dari IPT terlebih dahulu.

Pelajar hendaklah berada di negara asal atau di luar Malaysia semasa permohonan pas pelajar dikemukakan.

Pelajar dibenarkan membuat pertukaran kursus dalam tahun pertama sahaja di IPT yang sama tanpa perlu keluar Malaysia. Pelajar tidak layak mendapat kelulusan *One Off* semula.

KEMUDAHAN PAS PELAJAR *ONE OFF* MENGIKUT TEMPOH PENGAJIAN MINIMUM



IPT wajib mengemukakan keputusan akademik CGPA minimum 2.0 atau setaraf dan rekod kehadiran minimum 80% berdasarkan tahap kursus pengajian bagi setiap penggal kepada EMGS bagi tujuan pembaharuan iKad dalam tempoh yang telah dikeluarkan pas pelajar *One Off* tersebut. Mana-mana pelajar yang tidak menepati syarat tidak akan dilanjutkan pembaharuan iKad dan EMGS perlu memaklumkan kepada JIM untuk disenaraihitam pas pelajar serta merta.

PERMOHONAN BERPINDAH IPT / BERTUKAR KURSUS



Pelajar telah menerima surat tawaran daripada IPT yang ingin dimasuki dan Pelajar juga telah mendapat pelepasan daripada IPT asal

Pelajar hanya dibenarkan berpindah IPT sebanyak satu kali sahaja dalam tahap pengajian yang sama (melibatkan dua (2) IPT yang berbeza) pada tahun pertama pengajian. Permohonan boleh dikemukakan tanpa memerlukan pelajar keluar ke negara asal.

Mengemukakan perakuan atau sokongan Permohonan Pas Pelajar melalui EMGS

PAS LAWATAN SOSIAL (PLS) JANGKA PANJANG TANGGUNGAN KEPADA PEMEGANG PAS PELAJAR



Pelajar/ Keluarga hendaklah membuktikan kemampuan sara diri (bagi permohonan baru dan lanjutan) seperti:-

1. Penyata kewangan bank di Malaysia selama 3 bulan terkini berjumlah tidak kurang RM10,000.00 setiap bulan yang disahkan oleh bank berkenaan; dan/ atau

2. Penyata kewangan bank di luar negara selama 3 bulan terkini berjumlah bersamaan tidak kurang RM10,000.00 setiap bulan yang disahkan oleh kedutaan berkenaan; atau Surat tajaan biasiswa; atau Surat tajaan kedutaan.

PERMOHONAN KEMUDAHAN BEKERJA SECARA SAMBILAN KEPADA PEMEGANG PAS PELAJAR



Pemegang Pas Pelajar dibenarkan untuk bekerja secara sambilan di dalam sektor-sektor yang diluluskan dengan mengemukakan permohonan ke Ibu Pejabat Imigresen Malaysia dan Pejabat Imigresen Negeri berikut:



PERMOHONAN KEMUDAHAN BEKERJA SECARA SAMBILAN KEPADA PEMEGANG PAS PELAJAR



Pelajar hanya dibenarkan bekerja
di tempat- tempat yang
dibenarkan seperti berikut:

(a) Restoran

(b) Stesen
Minyak

(c) Pasar Mini

(d) Hotel

(e) Kawasan
Universiti/ Kolej

PERMOHONAN KEMUDAHAN BEKERJA SECARA SAMBILAN KEPADA PEMEGANG PAS PELAJAR



Pelajar tidak dibenarkan menjalankan tugas sebagai pekerja barisan hadapan (*front desk*) seperti juruwang

Kebenaran bekerja secara sambilan sahaja iaitu semasa cuti semester, cuti perayaan dan tempoh bekerja adalah tidak melebihi 20 jam seminggu.

Kebenaran bekerja sambilan akan diberikan dalam bentuk endosmen pada paspot pelajar seperti berikut:

IPT hendaklah menghantar senarai nama pelajar yang mendapat kebenaran bekerja sambilan dan laporan prestasi pelajar berkenaan setiap 3 bulan ke Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia dan Pejabat Imigresen Negeri terdekat.

Sekiranya didapati pelajar telah melanggar syarat kebenaran bekerja sambilan, tindakan pembatalan pas boleh dikenakan

'PERMITTED TO WORK AS PART TIME WORKER IN RESTAURANT, PETROL KIOSK, MINI MARKET, HOTEL (EXCLUDING SINGER, MASSEUR, MUSICIAN, GRO AND OTHER ACTIVITIES DEEM TO BE IMMORAL) AND UNIVERSITY/ COLLEGE COMPOUND FROM UNTIL

MEMO PERIKSA KELUAR (*CHECK OUT MEMO*)

IPT diwajibkan melaporkan kepada JIM dan EMGS berkenaan status pelajar yang telah tamat / ditamatkan pengajian dan memastikan mereka keluar dari Malaysia dengan memohon Memo Periksa Keluar (*Check Out Memo*).

IPT dikehendaki membuat laporan tersebut dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh pelajar tamat pengajian sekiranya pelajar menamatkan pengajian lebih awal atau ditamatkan pengajian.

Kegagalan pihak IPT melaporkan status pelajar yang telah tamat pengajian dan tidak memohon COM boleh menyebabkan kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa oleh KDN tidak dipertimbangkan.



MEMO PERIKSA KELUAR (*CHECK OUT MEMO*)

Bagi pemegang Pas Pelajar yang telah tamat pengajian dan telah mendapat tawaran bekerja (TelentCorp / MIDA / MDEC) perlu dipendekkan pas sekiranya pas pelajar masih berlaku.

Bagi pemegang Pas Pelajar yang hampir tamat dipendekkan Pas Pelajar terlebih dahulu dan Unit Pas Pelajar akan mengeluarkan Pas Khas (Pending Decision For Employment Pass) 30 hari sekali sahaja.

Bagi pemegang Pas Pelajar yang telah tempoh perlu mendapatkan memo daripada unit pas pelajar untuk dirujuk ke Bahagian Penguatkuasa.

Pelajar yang telah mendapat tawaran bekerja hendaklah diuruskan oleh pihak IPT pelajar berkenaan.

PEMBATALAN PAS PELAJAR



Pas Pelajar yang dikeluarkan boleh dibatalkan jika didapati pemegang Pas Pelajar tersebut telah melanggar syarat-syarat pas yang berkuatkuasa ataupun Setelah diarahkan oleh Ketua Pengarah Imigresen di bawah Seksyen 9(1)(b) Akta Imigresen 1959/63.

TANGGUH PENGAJIAN

Tangguh pengajian hanya dibenarkan sebanyak 2 kali (semester) sahaja bagi sepanjang kursus / program yang diambil dan Penangguhan pengajian hanya dibenarkan bagi sebab-sebab berikut;

(a)
Kemalangan /
sakit yang
diperakukan
oleh Doktor
Bertauliah

(b) Bencana
alam

(c) Urusan
keluarga di
negara asal

IPT hendaklah memaklumkan terlebih dahulu pada JIM Negeri berkenaan dan EMGS tentang penangguhan pelajar tersebut dengan mengemukakan Surat sokongan penangguhan pengajian daripada institusi dan Surat daripada doktor pakar yang bertauliah.

**SEKIAN,
TERIMA KASIH**



JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

DISEDIAKAN OLEH : UNIT PAS PELAJAR, BAHAGIAN VISA, PAS DAN PERMIT
IBU PEJABAT JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA, PUTRAJAYA